

Konsep MADANI beri kesan positif uruskan ekonomi

BH - 21/11/2023 m/s: 3

Pelaksanaan program tanpa ada aspek keculasan, pembaziran

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Konsep MADANI yang dirangka sebagai ikhtiar memetakan strategi pentadbiran negara secara berkesan, dijangka akan memberi implikasi yang lebih positif dalam pengurusan ekonomi rakyat Malaysia.

Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata konsep itu juga adalah antara sebahagian strategi kerajaan untuk menangani kelembapan ekonomi yang dijangka terjadi pada tahun ini.

Katanya, kerangka dasar Ihsan (I) dalam konsep itu dilihat antara teras untuk mendepani setiap pengurusan ekonomi yang dijalankan dalam polisi, dasar atau program untuk rakyat.

"Menerusi konsep MADANI, kita melihat setiap program ekonomi yang akan dijayakan pada hari ini dilakukan tanpa ada aspek keculasan mahupun pembaziran.

"Ia juga perlu dilaksanakan secara efektif menepati sifat serta semangat kebertanggungjawab dan kepercayaan. Selama ini juga kita ada pelbagai dasar dan polisi, tetapi ia sekadar tinggal dasar sekiranya pelaksanaan itu tidak mencapai objektif atau tiada semangat kebertanggungjawab.

"Menariknya, konsep ini tidak mempunyai logo atau slogan tertentu, tetapi ia hadir dengan semangat keihlanan, iaitu kita tidak boleh berseorangan sebaliknya perlu saling bergantung, sama ada dengan komuniti, rakyat mahupun kerajaan," katanya kepada BH.

Ketika pelancarannya kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata konsep MADANI yang dirangka sebagai ikhtiar memetakan strategi pentadbiran negara secara berkesan, menekankan kepada pemeraksanaan ekonomi dan budaya, yang berteraskan nilai, etika atau akhlak.

Kekuatan leluhur bangsa

Katanya, istilah Madani yang sememangnya sudah sekian lama diperkenalkan dan diungkap oleh pemikir sejak dahulu lagi, diperkenalkan dalam pentadbiran negara berikutan ia memberi ke-

utamaan kepada soal keyakinan dan kemanusiaan.

Beliau berkata, tatkala negara dipacu untuk maju dan kadang kala tercemar kerana salah laku serta rasuah, selain keruntuhan nilai, perlu ada kesedaran bersama dalam kalangan semua pihak untuk menghidupkan semula kekuatan leluhur bangsa daripada semua kaum dan agama di negara ini, dengan nilai murni yang harus dikembangkan semula.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berkata, konsep MADANI bukanlah pelan strategik terperinci, sebaliknya ia aspirasi yang mahu direalisasikan dalam masyarakat.

"Oleh demikian manifestasi dan penterjemahan konsep ini adalah terpulang kepada individu atau organisasi itu sendiri mahu membuat keputusan.

"Sebagai contoh, dalam program bantuan sekolah semalam, kita sudah ada ruang dan medium itu. Tetapi bagaimana melancarkannya, sekali gus memastikan tiada yang ketinggalan.

Jika yang tidak layak, adakah benar dia tidak layak atau hanya terlepas pandang, jadi konsep ihsan atau budi bicara ini penting untuk diteliti," katanya.



Ahmed Razman